

# Simpan khazanah berharga

Kompleks Muzium Losong terbesar di Asia Tenggara

Harian metro

19/08/2010 M/S PAGE U2

>>Oleh Suliati Asri

suliati@hmetro.com.my

**D**IKENALI Muzium Losong, Muzium Negeri Terengganu mempunyai keunikan tersendiri dan menyimpan khazanah yang tidak ternilai.

Dengan keluasan 27 hektar, ia adalah kompleks muzium terbesar di Asia Tenggara yang terdiri daripada empat blok bangunan utama.

Menerusi empat blok bangunan utama, pengunjung berpeluang menjelajahi setiap sudut yang di bahagi mengikut galeri iaitu Galeri Tekstil, Galeri Diraja, Galeri Islam, Ilmu Kejadian, Perikanan dan Taman Laut, Pelayaran dan Perdagangan dan Galeri Petroleum.

Muzium dengan seni bina yang diinspirasi dari istana lama Terengganu serta landskap taman yang indah itu turut menempatkan muzium maritim, muzium perikanan, lima rumah tradisional dan

taman botani serta taman ulam.

Melangkah masuk ke muzium utama, pengunjung pasti terpegun melihat Batu Bersurat yang menjadi lambang penyebaran Islam di Terengganu.

Di Galeri Tekstil, pengunjung berpeluang melihat sejarah industri itu selain proses penghasilan, perkembangan serta jenis-jenis tekstil yang dihasilkan seperti songket, limar, batik, pelangi, cindai, gerus dan telepek.


Pengunjung juga dapat melihat pelbagai jenis busana tradisional termasuklah pakaian harian dan upacara perkahwinan serta berkhatan.

Di Galeri Diraja, pengunjung dapat mengimbau kembali sejarah Kesultanan Terengganu menerusi salasilah institusi Kesultanan Terengganu.

Turut dipamerkan, keris berpintal milik Sultan, pingat



UNIK...seni bina muzium Terengganu diinspirasi dari istana lama Terengganu.



**ASAL...**Batu Bersurat menjadi tarikan utama.

dan bintang kebesaran. Melangkah terus ke galeri pengunjung dapat menghayati peristiwa bersejarah di Terengganu serta mengenali tokoh sasterawan dan sejarawan.

Sebagai menghargai kerjasama yang erat antara Ke-

rajaan Negeri dan Petronas sebuah galeri yang memberi peluang kepada pengunjung menerokai dan mempelajari sejarah serta perkembangan industri minyak, diwujudkan di Muzium Negeri Terengganu yang dinamakan Galeri Petroleum

# >Info

## Waktu beroperasi:

- Sabtu - Khamis: 9 pagi - 5 petang
- Jumaat: 9 pagi - 12 tengah hari/3 petang - 5 petang
- Cuti Umum: 9 pagi - 5 petang

## Aidilfitri/ Aidiladha

- Ditutup pada hari raya pertama dan kedua.

## Tiket:

### Warga negara Malaysia

- Dewasa: RM5
- Kanak-kanak: RM2
- Pelajar Berpakaian seragam: RM1

### Bukan warga negara

- Dewasa: RM15
- Kanak-kanak: RM10

## Bagaimana ke sini:

### ● Kereta

Pengunjung yang ingin memandu sendiri ke Muzium, harus mengambil laluan ke Kampung Losong yang terkenal dengan pembuatan keropak lekor. Muzium itu dapat dilihat di atas Bukit Losong.

### ● Bas

Hanya 15 minit perjalanan menggunakan bas dari stesen bas MPKT ke Muzium atau Losong.

### ● Teksi

Dari Stesen Teksi Kuala Terengganu, perjalanan hanya 10 minit untuk ke muzium.